

GARIS PANDUAN DAN KRITERIA PENCALONAN

ANUGERAH TOKOH AKADEMIK 2024

1.0 NAMA ANUGERAH	Anugerah Tokoh Akademik 2024
2.0 LATAR BELAKANG ANUGERAH	Anugerah Tokoh Akademik merupakan anugerah tertinggi universiti kepada pensyarah. Ia diwujudkan oleh UTM bagi memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada pensyarah yang telah menunjukkan kecemerlangan serta memberi sumbangan besar terhadap pembangunan dan peningkatan pendidikan di universiti ini. Anugerah ini dahulunya dikenali dengan nama Anugerah Tokoh Pendidik, tetapi mulai tahun 2010 ia diberi penjenamaan semula dengan nama Anugerah Tokoh Akademik. Penjenamaan semula ini adalah sejajar dengan usaha yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi yang telah memperkenalkan Anugerah Tokoh Akademik Negara. Anugerah Tokoh Akademik ini diberikan kepada seorang pensyarah yang komited, terlibat secara menyeluruh dan berterusan dalam proses penemuan ilmu, penjana kekayaan negara dan memenuhi aspirasi universiti sebagai jentera pembangunan negara dan dunia ke arah meningkatkan kualiti kehidupan manusia sejagat.
3.0 KATEGORI ANUGERAH	Staf Akademik
4.0 KRITERIA/ SYARAT-SYARAT PERMOHONAN	<u>SYARAT DAN PERATURAN UMUM</u> i. Pemohon ATA terbuka kepada semua pensyarah UTM. ii. Pemohon hendaklah merupakan pensyarah yang berkhidmat sepenuh masa sepanjang tahun atau sebahagian daripada tahun yang dinilai di UTM. iii. Pemohon telah berkhidmat di UTM sekurang-kurangnya

	selama lima (5) tahun secara berterusan. iv. Permohonan hendaklah menggunakan borang rasmi dan disertakan dengan maklumat bukti yang sah dan lengkap. v. Anugerah tidak akan diberi sekiranya tiada calon yang layak pada tahun yang dinilai.
--	--

5.0 KAEDAH PENILAIAN DAN PEMARKAHAN

i. Kaedah Penilaian	<u>KAEDAH PENCALONAN</u> 1) Dicalonkan oleh Jawatankuasa Pemilih Anugerah Tokoh Akademik UTM ; atau 2) Dicalonkan oleh Sekolah / Fakulti / PTJ ; atau 3) Pencalonan diri sendiri melalui sokongan Sekolah / Fakulti / PTJ
----------------------------	--

6.0 PEMARKAHAN ADALAH BERDASARKAN KRITERIA UTAMA SEPERTI BERIKUT:

ii. Kaedah Pemarkahan	1. Kriteria		
	i. Menerajui secara holistik bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan dan pentadbiran akademik. ii. Berkhidmat sebagai pensyarah di universiti selama sekurang-kurangnya 15 tahun dalam kerjaya akademik. iii. Menerima anugerah atau pengiktirafan ketokohan daripada universiti, badan profesional dan ilmiah yang berprestij pada peringkat universiti, kebangsaan atau antarabangsa. iv. Mendapat anugerah atau pengiktirafan bagi sumbangannya selama 10 tahun kebelakangan dan tahun yang dinilai. v. Membawa impak secara langsung atau tidak langsung kepada universiti dan masyarakat melalui aktiviti akademik dan perkhidmatan yang telah dijalankan. vi. Menunjukkan kecemerlangan secara berterusan dalam bidang akademik yang diterajui.		
	2. Markah (Rujuk Lampiran X untuk perincian markah)		
	<table><tr><th>Bil.</th><th>Komponen</th><th>Sub-Komponen</th></tr></table>	Bil.	Komponen
Bil.	Komponen	Sub-Komponen	

		Elemen	Wajaran
1	Kelayakan, Keahlian dan Kepakaran	i. Kelayakan akademik ii. Bidang kepakaran iii. Keahlian dalam badan professional iv. Keahlian dalam Jawatankuasa Profesional v. Ahli, Lembaga Penasihat/ Lembaga Pengarah di Peringkat Kebangsaan/ Antarabangsa vi. Ijazah Kehormat vii. Keahlian dalam persatuan/pertubuhan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa viii. Jemputan/undangan (bukan permohonan) untuk menganggotai mana-mana badan/ pertubuhan/persatuan kecemerlangan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.	10%
2	Kecemerlangan Fungsian Sebagai Ahli Akademik	Kecemerlangan fungsian merangkumi kesemua kategori berikut: a. Fungsi Pengajaran (35%) b. Fungsi Penyelidikan, Inovasi dan Perundingan (30%) c. Fungsi Perkhidmatan (10%) d. Fungsi Pengurusan dan Pentadbiran (15%)	90%
JUMLAH			100%

	3	Sumbangan dan Impak	i. Perihalkan kesohoran anda dalam bidang kepakaran dan impak sumbangan sepanjang hayat terhadap kesejahteraan hidup manusia dan menjana pertumbuhan sosioekonomi Negara (500 patah perkataan).	Panel pemilih akan membuat penilaian bagi calon yang telah melepasi markah <i>threshold</i> .
	4	Ciri Peribadi	i. Elemen ISES ii. Kepimpinan	

Nota: Sila nyatakan markah minimum (titik ambang) bagi pemenang dan penghargaan.

7.0 JADUAL PELAKSANAAN

Jadual kerja pelaksanaan penilaian anugerah adalah seperti berikut:

BIL.	AKTIVITI	TARIKH	TINDAKAN
1.	Proses penyediaan dan kemas kini maklumat dan kriteria Anugerah Citra Karisma	13 Januari – 17 Februari 2025	Urus setia (PTNC(A&A))
2.	Penghantaran <i>softcopy</i> cadangan Kriteria Anugerah Kepada Urus setia CK, BPO	19 Februari 2025	Urus setia (PTNC(A&A))
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Induk Citra Karisma Bil. 1/2025 (Pembentangan Kriteria Anugerah)	28 Februari 2025 (Jumaat) 9.00 pg (BMU)	Urus setia (PTNC(A&A) & BPO)
4.	Draf Iklan Web Citra Karisma	3 Mac - 20 Mac 2025	Urus setia (PTNC(A&A) & BPO)
5.	Hebahan URL iklan berpusat Anugerah Citra Karisma ke web rasmi Citra Karisma	13 Mac 2025	Urus setia (PTNC(A&A) & BPO)

6.	Proses Permohonan/Pencalonan dan Perakuan peringkat fakulti	12 Mac- 24 April 2025	Calon/Fakulti
7.	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Citra Karisma Bil 1/2025	20 Mac 2025 (Khamis), 9.00 pg (BMU)	Urus setia (PTNC(A&A) & BPO)
8.	Mesyuarat Penilaian Calon Anugerah Tokoh Akademik UTM 2024	25 April - 22 Mei 2025	JK Pemilih & PTNC(A&A)
9.	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Citra Karisma Bil 2/2025	14 Mei 2025 (Rabu), 9.00 pg (BMD)	Urus setia (PTNC(A&A) & BPO)
10.	Penyediaan Maklumat Finalis & Penerima Anugerah untuk pembentangan di Mesyuarat JK Induk Bil.2	23 - 28 Mei 2025	Urus setia (PTNC(A&A) & BPO)
11.	Mesyuarat Jawatankuasa Induk Citra Karisma Bil. 2/2025 (Pembentangan Keputusan Anugerah)	27 Mei 2025 (Selasa) 9.00 pg (BMU)	Urus setia (PTNC(A&A) & BPO)
12.	Perakuan Naib Canselor	3 Jun 2025	Urus setia (BPO)
13.	Penghantaran maklumat Finalis & Penerima Anugerah kepada Urus setia Citra Karisma (write up, gambar & maklumat no.vot)	28 Mei - 20 Jun 2025	Urus setia (PTNC(A&A))
14.	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Citra Karisma Bil 3/2025	15 Julai 2025 (Selasa), 2.30 ptg (BMD)	Urus setia (BPO)
15.	Urusan pelaksanaan majlis dan jemputan	26 Mei - 31 Julai 2025	Urus setia (BPO)
16.	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Citra Karisma Bil 4/2025	6 Ogos 2025 (Rabu), 2.30 ptg (BMD)	Urus setia (BPO)
17.	Majlis Citra Karisma 2025	21 Ogos 2025 (Khamis)	Semua

8.0 KOS HADIAH

Anugerah	Kategori	Pemenang	Hadiah	Catatan
Anugerah Tokoh Akademik 2024	Ahli Akademik	Seorang	Wang tunai berjumlah RM5,000 (Ringgit Malaysia : Lima Ribu Sahaja) Trofi Sijil	Nilai hadiah: Kekal

9.0 SENARAI JAWATANKUASA PANEL PENILAI ANUGERAH

Pengerusi : Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Panel : Prof. Emeritus Dato' Ir. Ts. Dr. Zainai bin Mohamed
: Prof. Ir. Ts. Dr. Zainuddin bin Abdul Manan
: Prof. Dr. Zulkurnain bin Abd Malek
: Prof. Dr. Mohd Hafiz Dzarfan bin Othman
: Prof. Dr. Farahwahida binti Mohd Yusof
: Prof. Dr. Nordin bin Yahaya
: Prof. Madya Ts. Dr. Noor Azurati binti Ahmad @ Salleh
: Prof. Madya Dr. Nurbiha binti A. Shukor
: Prof. Madya Dr. Johari Surif

Setiausaha : Fatin Nabila Mohd Sharif

Urus setia : Sharifah Binti Abdul Ghani

Disediakan oleh : Jabatan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Dikemaskini : 19 Februari 2025